



**KENYATAAN
TAWARAN SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN MAJLIS DAERAH LIPIS**

Permohonan adalah dipelawa daripada Syarikat/ Agensi/ Individu berwarganegara Malaysia bagi menyewa premis perniagaan seperti di bawah.

BIL	PREMIS	CATATAN
1	Ruang Pejabat, Aras 4, Bangunan Lipis Centrepoint, 27200 Kuala Lipis, Pahang	Keluasan Lantai : 1,040.30 mp

KONSEP PERNIAGAAN YANG DIBUKA

1. Menjadikan ruang pejabat atau institusi pendidikan kerajaan atau swasta atau lain-lain yang bersesuaian bagi bilangan 1;

TATACARA/ PROSEDUR PERMOHONAN PENYEWaan PREMIS

1. Iklan tawaran penyewaan premis dipaparkan di laman web majlis Daerah Lipis (www.mdlipis.gov.my) / laman facebook (Majlis Daerah Lipis) dan kenyataan Majlis Daerah Lipis di sekitar kawasan bandar daerah Lipis.
2. Borang Permohonan Penyewaan Premis boleh didapati dengan memuat turun di laman web iaitu <http://www.mdlipis.gov.my>.
3. Pemohon diminta melampirkan Dokumen Sokongan seperti berikut :-
 - i) 1 Salinan Kad Pengenalan Pemohon (depan & Belakang) di atas satu muka surat ;
 - ii) 1 Salinan Penyata Akaun Bank untuk 3 bulan yang terkini (Syarikat/ Individu) bagi bulan Julai 2017, Ogos 2017 dan September 2017;
 - iii) 1 Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat, Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Perniagaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan lain-lain sijil berkaitan;
4. Pemilihan penyewa dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Premis Majlis Daerah Lipis yang telah dilantik.
5. Penyewa yang berjaya dan tidak berjaya akan dimaklumkan.
6. Dokumen perjanjian kontrak akan dibuat di antara pihak MDL dan penyewa selepas berjaya ditawarkan.
7. Penyewaan premis adalah seperti sedia ada (as it is).
8. Lawatan lokasi premis akan diadakan bersama pemohon yang layak dipertimbangkan untuk hadir temuduga.

MAKLUMAT DI DALAM PROFIL SYARIKAT

1. Pemohon mesti menyediakan/ menyertakan sesalinan Profil Syarikat yang mengandungi :-
 - i) Maklumat pengurusan Syarikat
 - ii) Latar Belakang Syarikat
 - iii) Pengalaman kerja Syarikat
 - iv) Cadangan kadar sewaan premis dan tempoh sewaan;
 - v) Surat sokongan daripada Jabatan/Swasta yang berkaitan sepanjang perkhidmatan yang telah di berikan; dan
 - vi) Perancangan Syarikat atau cadangan konsep perniagaan yang akan dibuka.

MAKLUMAT IKLAN

Tarikh iklan dibuat : **20 September 2017**

Tarikh iklan ditutup : **19 Oktober 2017**

Borang permohonan Penyewaan Premis dan Dokumen Sokongan mestilah dihantar ke alamat :

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Lipis
Kompleks Pejabat Kerajaan
27200 Kuala Lipis
PAHANG DARUL MAKMUR**

Penerimaan selepas tarikh tersebut tidak akan diproses

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi Pejabat Pentadbiran Majlis Daerah Lipis, Kuala Lipis di talian : **09-3121253/09-3121433/09-3122971 dan fax 09-3123953**